

Lebih 300 warga Universiti Malaysia PAHANG hadiri Program Selamatkan Gaza



UNIVERSITI
MALAYSIA
PAHANG

KUANTAN 4 Dis. - Lebih 300 warga Universiti Malaysia PAHANG (UMP) di sini menghadiri Program Selamatkan Gaza dan Kutipan Tabung Amal di sini baru-baru ini.

Program berkenaan diadakan sempena Hari Kualiti dan Inovasi UMP yang disambut meriah di Dewan Astaka UMP di sini dengan beberapa aktiviti serta pameran dianjurkan selama tiga hari itu.

Kebanyakan yang hadir tidak melepaskan peluang mendengar pengala-

man penceramah jemputan daripada Pengurusan Aman Palestin cawangan Kuantan, Muhammad Sabri Muda dengan menyampaikan maklumat tentang keperluan bantuan serta sumbangan untuk menyelamatkan penduduk Palestina.

Menurut Muhammad Sabri, pihaknya amat menggalakkan masyarakat menghadiri program seumpama itu bagi menarik perhatian umum untuk turut serta dalam menjalankan misi kemanusiaan berkenaan.

"Aman Palestin mengambil inisiatif mengajukan program ceramah demi menggalakkan masyarakat dari pelbagai agama dan keturunan untuk sama-sama menghayati isu kemanusiaan yang sedang dihadapi penduduk Palestin pada masa ini," katanya ketika ditemui di sini.

Yang turut hadir Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin), Prof. Madya Dr. Hassan Ahmad dan Timbalan Pendata Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK), Zainuddin Mat Hussin.

Menurutnya, masalah yang membenggalu penduduk Palestin sejak kian lama bukan semata-mata berkaitan dengan masyarakat Islam tetapi lebih merupakan isu kemanusiaan.

Dalam pada itu, seorang penuntut Fakulti Teknologi Hanira Mahidin berkata, sebagai mahasiswa dia terpanggil untuk tuncuh semasa berjuang membela nasib penduduk Palestin keseluruhannya dan tidak hanya menghususkan kepada masyarakat Islam sahaja.

Tambahnya, apa yang berlaku di Pa-

lestina merupakan masalah berkaitan dengan keprahitarian umum tanpa mengira agama atau keturunan.

"Kempen mengutip derma dan berkenaan membantu penduduk Palestin adalah salah satu perjuangan tanpa perlu mengangkat senjata semata-mata," katanya.

Sebanyak RM3,553 berjaya dikumpulkan hasil sumbangan daripada Masjid UMP, Badan Kebajikan dan Sukan Staff (BKSS) dan setiap jabatan di universiti tersebut.

UM (H110) Kelu 5/12/12 Mr36